

13/10/1998

Rakyat asing perlu patuhi peraturan

KUALA TERENGGANU, Isnin - Rakyat asing yang bekerja di negara ini diingatkan supaya tidak terbabit dalam gerakan reformasi untuk menjatuhkan kepemimpinan kerajaan, sebaliknya mematuhi dan menghormati undang-undang negara ini.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat, berkata kerajaan akan bertindak tegas dan mereka yang didapati melanggar undang-undang negara ini akan dihantar pulang ke negara asal mereka.

Katanya, penahanan beberapa rakyat asing yang terbabit dalam gerakan reformasi di Kuala Lumpur beberapa hari lalu membuktikan ada campur tangan pihak luar dalam urusan pentadbiran negara ini.

"Pembabitan mereka dalam gerakan itu dianggap sebagai kegiatan subversif untuk menjatuhkan kerajaan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya kepada pemberita selepas majlis penganugerahan perkhidmatan cemerlang Kementerian Penerangan Zon Timur, di Auditorium Radio Malaysia Terengganu, di sini hari ini.

Seramai 23 kakitangan Jabatan Penyiaran dan Jabatan Penerangan menerima anugerah itu, termasuk lapan menerima pergerakan gaji melintang dan 15 menerima pergerakan gaji menegak serta hadiah dalam bentuk sijil dan pelaburan dalam Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputera serta bonus.

Mohamed yang juga Setiausaha Barisan Nasional (BN) berkata, beliau percaya rakyat asing itu diupah untuk turut terbabit dalam demonstrasi kerana mereka datang ke negara ini untuk bekerja.

"Kalau mereka lakukan perkara di luar yang dibolehkan, ini bermakna mereka melanggar undang-undang negara dan boleh dikenakan tindakan dihantar pulang ke negara asal masing-masing.

Selain itu, katanya, kerajaan seharusnya mengenakan peraturan baru, termasuk hanya membenarkan rakyat asing yang jujur dan patuh kepada undang-undang negara bekerja di negara ini.

Menurutnya, kementeriannya sudah mengadakan majlis penerangan mengenai perkara itu dan keadaan sekarang beransur tenang dan rakyat menerima baik maklumat yang disebarkan.

Mohamed juga meminta penduduk kampung tidak turut terpedaya dengan tindakan pihak tertentu yang memujuk mereka kononnya melawat Kuala Lumpur secara percuma, tetapi sebenarnya dijadikan alat menyertai gerakan reformasi.

Sementara itu, pegawai dan kakitangan Kementerian Penerangan yang didapati terbabit dalam gerakan reformasi dan menyebarkan maklumat salah mengenai keadaan negara akan dikenakan tindakan disiplin.

Katanya, jika perkara itu dilakukan, bermakna mereka juga melanggar piagam pelanggan yang ditetapkan kementerian dan jabatan masing-masing.

Sehubungan itu, beliau berharap rakyat memberi kesetiaan sebenar terhadap negara bagi menangani pakatan negara luar melemah dan menjatuhkan kepemimpinan negara.

Beliau juga kesal ada golongan yang sanggup menjadi pembelot dan bersekutu dengan rakyat asing untuk menjatuhkan imej negara ini di negara asing.

Beliau juga meminta pegawai mengamalkan konsep perkhidmatan turun ke bawah untuk menyelesaikan segera pelbagai masalah yang dihadapi kakitangan bawahan di kementerian dan jabatan itu.

"Pegawai yang tidak sanggup atau berani membuat keputusan segera akan

menjejaskan perkhidmatan bagi memberi maklumat tepat kepada rakyat,"  
katanya.

Katanya, kakitangan yang cekap, berani dan cepat membuat keputusan perlu  
diambil kira dalam menilai untuk diberikan anugerah khidmat cemerlang.

(END)